

Abdullah: Khidmat Samsudin cemerlang

KUALA LUMPUR 3 Sept. - Tan Sri Samsudin Osman telah melaksanakan tugas dengan cemerlang sepanjang berkhidmat dalam sektor awam negara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurutnya, sebagai Ketua Setiausaha Negara (KSN), Samsudin banyak memainkan peranan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan awam sehingga setaraf pembangunan negara.

"Sebagai setiausaha kepada Kabinet beliau bukan hanya menjadi pencatat minit tetapi turut memberi pandangan dan cadangan berkaitan perkhidmatan awam, peraturan dan isu berkaitan protokol.

"Beliau banyak memberi cadangan yang baik bagi sebarang isu yang melibatkan pegawai kerajaan," katanya ketika berucap pada majlis makan malam sempena

persaraan Samsudin sebagai KSN di sini, malam ini.

Turut hadir termasuk Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan pengganti Samsudin, Tan Sri Mohamed Sidedek Hassan.

Samsudin dilantik sebagai KSN pada 2001 dan bersara wajib pada 3 Mac 2002 sebelum disambung secara kontrak sebanyak tiga kali.

Sementara itu, Samsudin dalam ucapan persaraannya berterima kasih kepada kerajaan kerana memberi kepercayaan untuk memegang pelbagai jawatan penting sepanjang berkhidmat dalam sektor awam.

"Saya cuma membalas jasa kerajaan kerana memberi biasiswa untuk melanjutkan; pelajaran sekali gus membolehkan saya berada pada kedudukan sekarang," ujarnya.